

27/06/1999

Laporan polis terhadap PM, Ibrahim

MELAKA: Cucu saudara kepada bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba membuat laporan polis terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Ibrahim Ali di Ibu Pejabat Polis Daerah Melaka Tengah, semalam.

Laporan itu dibuat oleh Muhammad Zahid Md Arip, yang juga salah seorang cucu saudara kepada Ghafar, sebagai Ketua Pemuda KeADILan Melaka, kepada pegawai bertugas, Inspektor Shahrizan Shahman pada kira-kira jam 4 petang.

Muhammad Zahid berkata, Pemuda KeADILan Melaka mahu polis menyiasat dan mendakwa Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno dan Ibrahim, yang juga ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno serta Pengerusi Jawatankuasa Menangani Fitnah dan Panel Peguam MT Umno mengikut Seksyen 2(1) Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) No.22/1970.

Katanya, laporan itu dibuat selepas pihaknya mengkaji kandungan risalah Menangani Fitnah Habis-Habisan yang diterbitkan oleh pihak petugas MT.

(END)